

17:00	OD 0171	Sydney	E	CANCELLED	CANCELLED
17:05	AF 8399	Jakarta	J		C2
17:05	FY 7496	Phuket	H		H6
17:10	KL 4089	Ho Chi Minh City	H		G6
17:15	3G 0314	K. Kinabalu			
17:15	OD 1900	Labuan	E	CANCELLED	CANCELLED
17:35	OD 0131	Lahore	G	CANCELLED	CANCELLED
17:45	PR 3502	Johor Bahru	B		B5
17:50	KA 0734	Hong Kong	C		C25
17:55	QR 5417	Kuching	B	CANCELLED	B7
17:55	SQ 5329	Singapore	L	CANCELLED	CANCELLED
17:55	OD 0157	Brisbane	E	CANCELLED	CANCELLED
17:55	OD 0205	New Delhi	E	CANCELLED	CANCELLED
18:00	OD 0271	Amritsar	E	CANCELLED	CANCELLED

se wait for your flight details. 11:48 KUALA LUMPUR AIRPORT



Pandemik COVID-19 Mampukah Ekonomi Global Bertahan?

PANDEMIK COVID-19 memberikan impak yang besar bukan sahaja terhadap aspek kesihatan malahan aspek ekonomi dunia. Aktiviti ekonomi di negara yang terlibat turut terjejas apabila kerajaan masing-masing melaksanakan perintah bagi mengawal penularan wabak tersebut, seperti Itali, China, United Kingdom (UK), Perancis dan Sepanyol yang melaksanakan perintah berkurung atau sekatan pergerakan (*lockdown*), manakala Malaysia mengenakan Perintah Kawalan Pergerakan.

Susulan daripada itu, Dana Kewangan Antarabangsa (IMF) menyatakan kadar pertumbuhan global pada tahun 2020 akan menurun akibat daripada pandemik COVID-19 terhadap landskap ekonomi. Menurut Pengarah Urusan IMF, Kristalina Georgieva, kejutan ekonomi ini merupakan perkara luar biasa serta memberikan kesan kepada penawaran dan permintaan apabila setiap pihak mengambil langkah berjaga-jaga sekiranya wabak ini menjadi semakin serius.

Dalam perkembangan tersebut, Presiden Bank Dunia, David Malpass, turut senada apabila menyatakan bahawa penularan COVID-19 akan menyebabkan keadaan ekonomi negara yang terlibat turut terkesan secara global. Tambah beliau, pertumbuhan ekonomi bagi tahun 2020 dijangkakan akan lebih rendah daripada tahun 2019 akibat penularan wabak tersebut.

Sebagai perbandingan, menurut Tinjauan Ekonomi 2020 oleh Kementerian Kewangan Malaysia terhadap pertumbuhan ekonomi kuasa besar dunia, Amerika Syarikat (AS) mencatatkan pertumbuhan ekonomi pada kadar 1.9 peratus pada tahun 2019, diunjurkan berkembang sederhana kepada 1.7 peratus pada tahun 2020. Walau bagaimanapun, unjuran ini diletakkan sebelum berlakunya pandemik COVID-19 dan situasi terkini di AS menyaksikan kejatuhan harga saham indeks utama Dow Jones paling rendah semenjak *Black Monday* 1987, iaitu kejatuhan hampir 3000 mata pada 16 Mac yang lalu.

Menurut BofA Global Investment Strategy, Bloomberg, perkembangan ini menyaksikan COVID-19 tersenarai dalam sejarah sebagai antara 10 punca kejatuhan terbesar ekonomi AS, selain Keruntuhan Wall Street 1929, *Black Monday* 1987, Penamatan Piawai Emas (*End of*

Gold Standard) 1931, Krisis Lehman 2008, Perang Dunia Kedua 1940, Gelembung Dot-com 2002, Kejutan Permintaan Pasca Perang Dunia Kedua (*Post World War Two Demand Shock*) 1946, Kemosotot Hutang AS (*United States Debt Downgrade*) 2011, Krisis Kewangan Besar 2009 dan Pengurusan Modal Jangka Panjang atau *Long-Term Capital Management* (LTCM) 1998.

Di Malaysia pula menyaksikan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SIC) telah menggantung urus niaga singkat Bursa Malaysia hingga 30 April lalu akibat potensi risiko yang disebabkan oleh ketidaktentuan pasaran global dengan Indeks Komposit Kuala Lumpur (KLCI) merekodkan mata terendah buat kali pertama dalam tempoh sedekad, iaitu pada 1219.72 mata pada 16 Mac yang lalu – di bawah paras 1300 mata. Malah, kesan COVID-19 terhadap Malaysia dijangkakan akan melampaui kemelesetan ekonomi akibat Krisis Kewangan Asia 1997/1998 dan Krisis Kewangan Global 2008/2009.

Sementara itu, menurut Persidangan Perdagangan dan Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNCTAD) dalam Laporan Perdagangan dan Pembangunan 2019, UNCTAD telah mengunjurkan pertumbuhan ekonomi global pada kadar 2.3 peratus pada tahun 2019 berbanding dengan 3.0 peratus pada tahun 2018. Hal ini membawa kepada situasi badan tersebut yang meramalkan akan berlaku pertumbuhan ekonomi global yang perlahan pada tahun 2020 yang berpunca daripada persekitaran ketegangan perdagangan, pergerakan mata wang, hutang korporat, ketiadaan kesepakatan dalam Brexit, serta kini ditambah dengan penularan wabak COVID-19.

Perintah sekatan pergerakan pada jangka masa yang panjang telah

mengakibatkan potensi peningkatan kes bankrap sama ada kepada individu mahupun pihak korporat. Menurut Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO), dijangkakan sebanyak 25 juta orang pekerja di seluruh dunia akan kehilangan pekerjaan kesan daripada COVID-19.

Bidang pekerjaan yang paling terkesan berikutan penularan COVID-19 ialah industri pelancongan yang merupakan satu daripada industri terbesar dan terpenting dalam pertumbuhan ekonomi sesebuah negara, bahkan sumber utama pendapatan majoriti negara yang terkesan dengan COVID-19 ialah bidang pelancongan.

Industri pelancongan menyediakan peluang pekerjaan dan perniagaan kepada lebih 3.7 juta rakyat Malaysia serta merupakan antara penyumbang terbesar ekonomi negara dengan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak 15.3 peratus. Berdasarkan laporan Kementerian Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan (MOTAC) Malaysia, industri pelancongan di Malaysia mengalami kerugian pada nilai anggaran melebihi RM9 bilion akibat penularan COVID-19 dalam jangka masa antara Januari hingga Mac 2020, atau kerugian tahunan menjangkau RM51 bilion. Hal yang demikian turut menyebabkan kerajaan menganggarkan KDNK menurun sebanyak 0.8 peratus sehingga 1.2 peratus, iaitu penurunan sebanyak RM10.8 bilion sehingga RM17.3 bilion.

Menurut laporan Persatuan Hotel Malaysia (MAH), penularan COVID-19 telah menyebabkan sebanyak 2041 orang pekerja dalam industri perhotelan diberhentikan semenjak awal Januari yang lalu, manakala hingga 17 Februari 2020, sebanyak 157 ribu tempahan bilik telah dibatalkan yang membawa kepada kerugian lebih daripada

RM66 juta. Keadaan ini terjadi memandangkan sebahagian besar tempahan adalah dari China, Singapura, Hong Kong, Taiwan, serta negara Eropah yang turut menerima impak daripada penularan COVID-19.

Sementara itu, pada peringkat global, pandemik COVID-19 turut memberikan kesan kepada pemain utama industri pelancongan, kewangan, teknologi serta pengangkutan. Menurut laporan Market Insider, enam konglomerat bergasi dunia turut terkesan apabila mengalami kesusutan nilai atau kerugian secara total pada jumlah yang besar. Antaranya ialah syarikat Microsoft (kerugian sebanyak RM62 bilion sehari); Apple (kerugian sebanyak RM26 bilion sehari); Coca-Cola (kerugian sebanyak RM6 bilion sehari); dan United Airlines (kerugian sebanyak RM1.2 bilion sehari) apabila mempunyai hubungan dagang secara langsung dengan China. Yang turut menerima kesan ialah Mastercard (kerugian sebanyak RM21.9 bilion) dan Royal Caribbean Cruise (kerugian sebanyak RM1.5 bilion sehari).

Menurut pakar perubatan penyakit berjangkit dari China yang berpangkalan di Shanghai, Zhang Wen Hong, pandemik COVID-19 dijangkakan akan terus memberikan kesan dalam tempoh antara satu hingga dua tahun serta akan mencapai kemuncaknya pada April hingga Jun 2020. Beliau yang juga Pengarah Jabatan Penyakit Berjangkit di Hospital Huashan turut menjangkakan impak COVID-19 akan lebih memberikan kesan yang maksimum khususnya di Eropah. Malah, kesan pandemik COVID-19 pada peringkat global dijangkakan akan membawa kemelesetan ekonomi global buat kali pertama semenjak Krisis Kewangan Global 2008/2009. ▣